

MOHD AMIRUL RIZAL DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH TOURISM MALAYSIA



PUTRAJAYA, 10 DISEMBER 2025 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan YBrs. Encik Mohd Amirul Rizal bin Abdul Rahim sebagai Ketua Pengarah Tourism Malaysia yang baharu berkuat kuasa 8 Disember 2025.

Pelantikan ini dibuat oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 10 (1) Akta 481: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992. Beliau menggantikan YBhg. Datuk Manoharan Periasamy yang bersara wajib pada 6 Disember 2025.

Mohd Amirul Rizal merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Pelancongan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau memulakan kerjayanya bersama Tourism Malaysia pada 2 September 2002 dan sejak itu telah memegang pelbagai portfolio dalam pemasaran dan promosi pelancongan negara.

Beliau pernah berkhidmat di Bahagian Penyelidikan sebelum menyandang jawatan sebagai Pengarah Pejabat Negeri Tourism Malaysia Terengganu dan Pengarah Pejabat Luar Negeri Tourism Malaysia Seoul, Korea Selatan pada tahun 2008. Beliau juga pernah berkhidmat di Bahagian Promosi Domestik dan Acara, Bahagian Promosi Antarabangsa (Asia & Afrika), serta yang terkini sebagai Pengarah Kanan Bahagian Pengiklanan & Digital. Selain itu, beliau turut memainkan peranan penting sebagai Ketua Sekretariat Visit Malaysia 2026 (VM2026).

Selain tanggungjawab penting dalam Tourism Malaysia, beliau juga aktif dalam persatuan dan telah dilantik sebagai Presiden Kelab Rekreasi Tourism Malaysia, menunjukkan kepimpinan yang seimbang dalam aspek strategik, operasi dan pemerkasaan warga kerja.

Dengan pengalaman selama 23 tahun dalam pelbagai aktiviti pemasaran dan promosi pelancongan, pelantikan beliau diyakini akan memperkukuh perkembangan industri pelancongan negara dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul diperingkat global menjelang Visit Malaysia 2026 (VM2026).

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Penganjuran

Tahun Melawat Malaysia 2026 bakal meraikan kelestarian industri pelancongan negara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Selain itu, Tourism Malaysia turut menyokong Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke arah merealisasikan Tahun Melawat IMT-GT 2023-2025 bagi mempromosikan wilayah serantau sebagai destinasi pelancongan tunggal. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Norshariza Mohd Saad Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat norshariza@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8775	Azham Ishak Penolong Pengarah Kanan Bahagian Sumber Manusia azhamishak@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8967
---	---